MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan

Kestabilan kewangan berterusan meskipun terdapat ketidaktentuan global berkaitan dengan perkembangan di RR China dan keputusan referendum berkaitan dengan EU di UK. Di dalam negara, kesan langsung daripada keputusan referendum tersebut ke atas institusi kewangan adalah kecil memandangkan dedahan yang terhad terhadap UK. Turun naik pasaran kewangan domestik meningkat pada 24 Jun 2016, namun kembali reda untuk mengakhiri suku itu pada paras di bawah paras yang dicatat pada suku pertama. Keadaan mudah tunai keseluruhan terus menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Sementara perniagaan dan isi rumah terus membuat penyesuaian terhadap persekitaran yang lebih mencabar dan kos sara hidup yang meningkat, keadaan ini dijangka memberikan impak yang kecil ke atas pendapatan dan kualiti aset institusi kewangan. Dengan adanya sokongan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh, institusi kewangan mempunyai keupayaan untuk menghadapi perkembangan ekonomi dan pasaran yang buruk tanpa menjejaskan pengantaraan kewangan domestik.

Keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah dan perniagaan berterusan

Keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam kekal utuh. Kemungkiran pinjaman (diukur oleh pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan) tidak berubah pada 2.0% daripada jumlah pinjaman bank. Pinjaman terjejas meningkat sedikit dari segi nilai tetapi kekal rendah pada 1.3% daripada pinjaman bersih (S1 2016: 1.2%). Peruntukan bank terhadap kerugian pinjaman adalah pada 90%. Termasuk rizab pengawalseliaan bagi pinjaman dan pembiayaan, penampan untuk kemungkinan kerugian kredit bagi bank kekal pada tahap yang memuaskan. Dalam industri insurans dan takaful, dedahan kredit secara umumnya stabil pada 4.2% daripada jumlah modal tersedia (S1 2016: 4.3%). Dedahan ini terutamanya dalam bentuk pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan bon korporat yang diberikan penarafan tinggi.

Hutang isi rumah mengekalkan momentum pertumbuhan yang lebih perlahan, dengan meningkat sebanyak 6.2% pada akhir suku kedua (S1 2016: +6.5%; S2 2015: +8.3%). Pembiayaan rumah terus menjadi pemacu utama peningkatan hutang isi rumah. Disokong oleh permintaan yang berterusan untuk rumah mampu milik, pembiayaan rumah meningkat 10.2% (S1 2016: +10.7%; S2 2015: +12%). Keadaan guna tenaga dan pendapatan keseluruhan dijangka kekal menggalakkan dalam keadaan kajian semula terhadap proses dan tenaga kerja sedang dijalankan oleh perniagaan dalam persekitaran semasa. Bersama-sama penilaian kemampuan yang lebih teliti oleh pemberi pinjaman, keadaan ini terus menyokong keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah.

Kebanyakan peminjam isi rumah mempunyai fleksibiliti untuk bertindak balas terhadap kejutan pendapatan dan perbelanjaan sara hidup yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, peminjam yang mempunyai leveraj (hutang) tinggi dalam kumpulan berpendapatan rendah mula menunjukkan keupayaan yang lebih rendah untuk membayar balik hutang. Dedahan bank terhadap peminjam kumpulan ini menurun sejak beberapa tahun dan kini mencakupi 19.5% daripada jumlah pinjaman bank kepada isi rumah (2013: 25.1%). Penambahbaikan dalam piawaian pinjaman bukan bank terus mengurangkan bahagian keseluruhan peminjam isi rumah yang lemah kepada 22.6% (2013: 28.4%) daripada jumlah hutang isi rumah daripada bank dan bukan bank.

Kemungkiran isi rumah kekal tidak berubah pada 1.4%, manakala pinjaman terjejas bertambah baik kepada 1.6% daripada

jumlah hutang isi rumah (S1 2016:1.7%). Ini menunjukkan bahawa isi rumah menguruskan kewangan mereka secara aktif, lantas mengehadkan kemungkinan kerugian besar-besaran kepada bank. Ujian tekanan Bank Negara Malaysia terus menunjukkan bahawa penampan modal lebihan bank, yang kini berjumlah RM120.8 bilion, lebih daripada mencukupi untuk menyerap kerugian yang terlalu tinggi dalam senario yang buruk.

Risiko kredit bank daripada dedahan kepada sektor perniagaan adalah terurus. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa syarikat Malaysia telah meneroka peluang perniagaan di luar negara untuk mempelbagaikan asas pendapatan. Bagi syarikat yang mempunyai operasi yang besar di UK, kesan langsung daripada referendum UK untuk keluar daripada EU adalah terhad. Syarikat-syarikat ini kebanyakannya terlibat dalam pembangunan harta tanah dan projek mereka ini terikat dengan kadar pembelian yang tinggi. Hal ini membendung sebarang kemungkinan kesan limpahan terhadap sistem kewangan domestik.

Kebarangkalian jangkaan mungkir bagi perniagaan bertambah baik sedikit kepada 0.61% (S1 2016: 0.69%), sebahagian besarnya mencerminkan jangkaan permintaan dalam negeri yang lebih baik dan kos input yang rendah. Leveraj agregat perniagaan Malaysia[3], seperti yang diukur oleh nisbah median hutang berbanding ekuiti, terus bertambah baik kepada 41.9% pada S1 2016 (S4 2015: 44.5%).

Keadaan kredit kekal kondusif untuk perniagaan, termasuk PKS. Setakat ini, tiada bukti yang kukuh bahawa pemberian kredit secara keseluruhan semakin ketat. Pada akhir suku kedua, jumlah hutang perniagaan berkembang 6.7% (S1 2016: 7.5%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh dana yang diperoleh lebih tinggi daripada pasaran modal. Pembiayaan bank terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan (S2 2016: 4.2%; S1 2016: 5.2%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada PKS (9.9%). Pinjaman luar negeri oleh perniagaan menurun (S1 2016: RM273.3 bilion; S4 2015: RM289.9 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan lebih kecil daripada penukaran mata wang asing. Pertumbuhan peminjaman luar negeri baharu hampir tidak berubah. Risiko pembiayaan semula dan pendanaan daripada pinjaman luar negeri terus terhad, dengan lebih 40% daripada peminjaman luar negeri dalam bentuk obligasi antara syarikat oleh syarikat multinasional yang mempunyai operasi di Malaysia. Selain itu, lebih 70% daripada peminjaman luar negeri mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun.

Kedudukan kewangan perniagaan kekal kukuh. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) ialah 4.2 kali pada suku pertama 2016 (S4 2015: 4.4 kali). Agregat mudah tunai untuk memenuhi obligasi hutang jangka pendek juga kekal utuh. Median nisbah aset semasa kepada liabiliti semasa (nisbah semasa) dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt ratio, CASTD) sebahagian besarnya tidak berubah

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Berdasarkan 160 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) yang merangkum 10 sektor ekonomi utama.

masing-masing pada 1.7 kali dan 1.1 kali (S4 2015: masing-masing 1.7 kali dan 1.2 kali). Walau bagaimanapun, prestasi seluruh industri dan sektor adalah bercampur-campur. Kedudukan kewangan perniagaan dalam sektor berorientasikan eksport terus mampan disokong oleh penampan kewangan yang lebih kukuh dan tahap leveraj yang sederhana. Hal ini berlaku meskipun harga komoditi lemah dan permintaan dunia lembap. Dedahan bank terhadap sektor minyak sawit mentah, serta minyak dan gas, yang mengalami harga komoditi yang rendah, masing-masing mencakupi 3.9% dan 2.1% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Walau bagaimanapun, perniagaan dalam sektor berorientasikan dalam negeri lebih terjejas akibat permintaan pengguna yang berterusan lemah dan persaingan sengit dalam sektor runcit. Ini menyebabkan pinjaman mungkir dan pinjaman terjejas yang lebih tinggi dalam beberapa sektor berorientasikan dalam negeri, iaitu sektor harta tanah, minyak dan gas, pembinaan serta perdagangan borong dan runcit. Namun, portfolio perniagaan bank secara keseluruhan masih berkualiti tinggi. Nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman mungkir tidak berubah, masing-masing pada 2.8% dan 0.4% daripada pemberian pinjaman bank kepada perniagaan pada akhir S2 2016. Dedahan bank kepada peminjam perniagaan besar dengan kewangan yang lemah (ICR bawah dua kali dan CASTD bawah satu kali) kekal terhad pada 6.5% daripada jumlah dedahan kredit sistem perbankan terhadap syarikat.

Pasaran perumahan kekal lembap dalam keadaan sentimen pengguna yang lebih berhati-hati. Jumlah transaksi perumahan, dari segi jumlah dan nilai, menurun masing-masing sebanyak 16.6% kepada 49,612 unit (S4 2015: -3.1% kepada 58,859 unit) dan 9.5% kepada RM16.2 bilion (S4 2015: -4.1% kepada RM19.3 bilion) pada suku pertama 2016. Penurunan ini merentas semua segmen harga rumah, terutamanya di negeri utama seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Melangkah ke hadapan, permintaan terhadap rumah mampu milik akan terus menyokong pasaran perumahan, dan pada masa yang sama menggalakkan peralihan yang berterusan dalam penawaran segmen harga rendah hingga sederhana. Selaras dengan trend ini, kegiatan spekulasi dalam pasaran perumahan kekal lemah. Jumlah peminjam dengan sekurang-kurangnya tiga pinjaman perumahan terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan pada 1.9% pada S2 2016 (S1 2016: 2.4%). Jumlah pinjaman perumahan yang diselesaikan dalam tempoh tiga tahun (sebagai proksi untuk peminjam yang terlibat dalam pembelian dan penjualan spekulatif) kekal stabil pada 10.8% daripada jumlah pinjaman perumahan yang diselesaikan pada suku kedua (S1 2016: 12.0%).

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur sepanjang suku kedua. Kesan keputusan referendum berkaitan dengan EU di UK terhadap pasaran kewangan domestik adalah terhad dan bersifat sementara. Pasaran bon kerajaan, bon korporat dan wang kekal stabil. Turun naik dalam pasaran pertukaran asing ringgit adalah lebih tinggi daripada biasa sekitar masa yang hampir dengan keputusan referendum EU dan sebaik sahaja keputusan diumumkan. Walau bagaimanapun, turun naik pasaran akhirnya reda apabila mudah tunai terus disokong oleh peserta pasaran kewangan. Bagi suku kedua secara keseluruhan, turun naik purata bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI adalah lebih rendah (S2 2016: masing-masing 9.5% dan 9.9%; S1 2016: masing-masing 13.5% dan 11.3%). Ini meneruskan trend sejak bulan Oktober 2015. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM77 juta (S1 2016: aliran masuk bersih RM13.1 bilion) apabila aliran masuk bukan pemastautin yang lebih tinggi ke dalam pasaran bon kerajaan diimbangi oleh aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran ekuiti serta pelaburan di luar negeri oleh pelabur institusi domestik.

Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Nota: FMSI ialah alat pemantauan risiko pasaran kewangan yang dibangunkan berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan European Central Bank (ECB). Indeks ini dibangunkan berdasarkan turun naik dalam lima komponen pasaran kewangan domestik - pertukaran asing, ekuiti, bon, wang dan institusi kewangan. Tahap tekanan pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai satu nilai antara 0 hingga 100, yang menunjukkan tahap tekanan dari paling rendah ke paling tinggi.

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Bukan pemastautin terus menunjukkan minat terhadap pasaran kewangan Malaysia. Pada akhir suku kedua, bukan pemastautin memegang kira-kira separuh daripada jumlah MGS terkumpul (49.8%; S1 2016: 48.7%). Sebanyak 59.1% daripada pemegangan ini terdiri daripada MGS dengan tempoh matang sehingga 5 tahun. Sejajar dengan itu, kadar hasil bagi MGS 3, 5 dan 10 tahun masing-masing menurun kepada 3.15%, 3.37% dan 3.74% (S1 2016: masing-masing 3.21%, 3.43% dan 3.80%). FBM KLCI mengakhiri suku itu lebih rendah pada 1,654.1 mata (S1 2016: 1,717.6 mata). Ini didorong sebahagian besarnya oleh prestasi beberapa syarikat yang lebih lemah dan ketidaktentuan yang berterusan dalam dasar monetari AS. Nisbah harga berbanding perolehan (PE) FBM KLCI menurun kepada 18.2 kali pada suku kedua (S1 2016: 19.2 kali) tetapi kekal melebihi nisbah PE purata 10 tahun pada 16.2 kali. Pemegangan ekuiti oleh bukan pemastautin mencakupi 22.8% daripada jumlah permodalan pasaran (S1 2016: 23.0%).

Jumlah dagangan adalah lebih tinggi. Spread bida-tawar tidak berubah pada 0.1% daripada harga pertengahan bagi MGS dan 0.4% daripada harga pertengahan bagi FBM KLCI. Purata nisbah pusing ganti bulanan ialah 14.9% bagi MGS dan 2.1% bagi FBM KLCI (S1 2016: masing-masing 11.9% dan 2.0%). Dalam pasaran mata wang, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.5% berbanding dengan dolar AS untuk mengakhiri suku tersebut pada RM4.0225 bagi setiap dolar AS (S1 2016: RM3.9220). Spread swap mungkir kredit kerajaan 5 tahun meningkat sedikit kepada 156.1 mata asas (S1 2016: 153.9 mata asas; S3 2015: 238.9 mata asas), manakala spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun meningkat kepada 83 mata asas (S1 2016: 73 mata asas). Walau bagaimanapun, paras ini masih rendah berbanding dengan paras yang dicatat pada S3 2015 (115 mata asas) apabila ringgit berada pada tahap paling lemah berbanding dengan USD dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Tahap permodalan institusi kewangan kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 sistem perbankan adalah pada 12.9%, manakala nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal masing-masing pada 13.9% dan 16.4%. Lebih 90% daripada modal sistem perbankan terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab dengan keupayaan teguh untuk menyerap kerugian. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful juga kekal tinggi pada 228.1% (S1 2016: 242.6%). Pada akhir suku kedua, penampan modal institusi kewangan yang digabungkan berjumlah RM153.8 bilion.

Sistem Perbankan: Permodalan Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2015		2016		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	1,844	7,180	4,703	2,668	7,371
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	682	1,463	821	810	1,631
Nisbah tuntutan (%)	64.9	57.4	54.0	56.5	55.3
	Perubahan Tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-59.8	-8.0	-11.9	44.7	2.7
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	-15.2	-10.1	5.1	18.8	11.5
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	6.0	0.4	3.7	-8.3	-2.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perolehan kekal kukuh dalam keadaan prestasi pembiayaan yang lebih sederhana. Margin faedah/pembiayaan sistem perbankan selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian kekal stabil pada 0.56 mata peratusan (S1 2016: 0.55 mata peratusan) manakala pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing meningkat kepada 1.4% dan 13.2% (S1 2016: masing-masing 1.3% dan 12.4%). Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat kepada RM9 bilion (S1 2016: RM7.7 bilion) disebabkan oleh pendapatan faedah bersih yang berterusan daripada aktiviti pembiayaan dan pendapatan dividen yang lebih tinggi daripada syarikat subsidiari. Pendapatan daripada aktiviti perbendaharaan dan berasaskan fi lebih rendah pada suku tersebut.

Dalam sektor insurans dan takaful, penanggung insurans am dan pengendali takaful mencatat keuntungan operasi yang lebih rendah iaitu sebanyak RM809.6 juta (S1 2016: RM821.0 juta) disebabkan oleh nisbah tuntutan yang lebih tinggi, terutamanya bagi insurans kebakaran dan motor. Sebaliknya, pasaran ekuiti yang lebih lemah terus memberi kesan kepada prestasi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga. Ini menyebabkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan adalah lebih rendah sebanyak RM2.7 bilion (S1 2016: RM4.7 bilion).

Dedahan risiko pasaran institusi kewangan adalah pada paras yang terurus, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan perlindungan

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

nilai yang aktif. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti masing-masing mencakupi 1.2% dan 0.9% daripada jumlah modal (S1 2016: masing-masing 1.1% dan 0.8%). Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bank ialah 7.2% daripada jumlah modal (S1 2016:

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

6.5%), dengan bank terus mengurus dedahan pertukaran asing secara aktif dalam keadaan turun naik ringgit. Bagi industri insurans dan takaful, dedahan risiko pasaran meningkat sedikit kepada 13.7% (S1 2016: 13.1%) daripada jumlah modal tersedia, didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan risiko kadar faedah. Risiko ekuiti, yang merupakan sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran penanggung insurans pada amnya kekal stabil pada 7.4% (S1 2016: 7.3%) daripada jumlah modal tersedia.

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan. Jumlah penempatan dan repo berbalik sistem perbankan dengan Bank Negara Malaysia serta keperluan rizab berkanun ialah RM178.5 bilion. Jumlah ini merupakan jumlah yang boleh dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai bank. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[4] Basel III sistem perbankan ialah 125% (S1 2016: 126%), jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum semasa sebanyak 70%. Sebanyak 44 bank mencatat tahap LCR melebihi 100%.

Keadaan pendanaan domestik terus bertambah baik pada suku kedua. Persaingan untuk deposit korporat reda berikutan penurunan dalam keperluan rizab berkanun pada bulan Februari. Kadar deposit tetap yang disebut 1 bulan dan 3 bulan untuk pendeposit syarikat besar jatuh antara 5 hingga 40 mata asas pada suku tersebut. Secara keseluruhan, kos deposit purata tidak berubah pada 2.55% manakala KLIBOR 3 bulan menurun kepada 3.65% (S1 2016: 3.71%). Secara agregat, deposit sistem perbankan lebih rendah sedikit (S2 2016: -0.5%; S1 2016: -0.9%). Ini sebahagiannya mencerminkan penurunan dalam deposit korporat dan institusi kewangan bukan bank (S2 2016: masing-masing -0.8% dan -1.7%; S1 2016: masing-masing -4.2% dan 1.8%) disebabkan oleh pelaburan berterusan dalam kelas aset lain. Termasuk akaun pelaburan Islam[5], jumlah pendanaan bank mencatat pertumbuhan 3.4% pada suku kedua (S1 2016: +2.3%).

Walaupun struktur pendanaan bank kebanyakannya masih berasaskan deposit (69.8% daripada jumlah pendanaan) dan dalam mata wang tempatan (92.1% daripada jumlah deposit), bank telah mempelbagaikan struktur pendanaan mereka dalam tempoh kebelakangan ini. Ini sebahagiannya mencerminkan pendalaman kewangan dan usaha bank untuk mengecilkan ketidakpadanan kematangan dalam struktur pendanaan. Jumlah instrumen jangka sederhana dan panjang terkumpul dalam denominasi ringgit dan mata wang asing yang dikeluarkan oleh bank meningkat pada kadar tahunan 5% (S1 2016: +12%) kepada RM100 bilion. Pada masa ini, instrumen jangka sederhana seperti itu mencakupi 4.2% daripada jumlah pendanaan sistem perbankan. Dengan mengambil kira asas pendanaan yang

[4] LCR Basel III diperkenalkan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa tahun 2019. Keperluan minimum semasa ditetapkan pada 70%.

[5] Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, institusi perbankan Islam diwajibkan mengklasifikasikan semula deposit Islam di bawah Akta Bank Islam 1983 yang dimansuhkan ke dalam akaun deposit dan akaun pelaburan Islam. Tempoh peralihan selama dua tahun diberikan kepada institusi perbankan untuk memastikan proses pengelasan semula yang lancar dan berkesan. Tempoh peralihan ini berakhir pada 30 Jun 2015.

lebih luas, nisbah pinjaman berbanding dana kekal stabil pada 82.6% (S1 2016: 82.6%).

Liabiliti luaran bersih bank adalah lebih kecil pada RM128 bilion pada akhir S1 2016 (S4 2015: RM139 bilion), didorong terutamanya oleh peminjaman antara bank yang sederhana. Bank-bank Malaysia mempunyai dedahan yang kecil terhadap pihak lain yang berkenaan (counterparties) di UK, masing-masing kira-kira 1% daripada jumlah aset dan liabiliti sistem perbankan. Ini mengehadkan risiko penularan dalam negeri disebabkan oleh perkembangan di UK. Dedahan melalui saluran mata wang juga terbendung apabila tuntutan luaran dalam denominasi paun sterling hanya mencakupi 7% daripada jumlah modal sistem perbankan.